

09 JUN 1999

Abdullah-Mahathir

IMEJ "BERSIH" ABDULLAH BADAWI SATU LONJAKAN UNTUK MAHATHIR

MELBOURNE, 9 Jun (Bernama) -- Faktor utama keyakinan baru Malaysia dalam kerajaan pimpinan Dr Mahathir Mohamad ialah imej "bersih" Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, demikian menurut seorang wartawan kanan Australia.

Greg Sheridan, editor luar negeri akhbar "The Australian", yang baru pulang dari lawatan ke Malaysia, berkata satu sebab "kerajaan Malaysia semakin baik ialah kerana Abdullah sendiri."

" Beliau mantap, boleh diharapkan dan ramah. Beliau adalah "orang bersih" dalam politik Malaysia. Beliau juga mempunyai pengetahuan Islam yang mencukupi," kata Sheridan.

"Sesetengah penganalisis Malaysia membuat perbandingan dengan Australia, dan mengatakan bahawa John Howard yang membosankan dapat mengatasi Paul Keating yang penuh wawasan," kata Sheridan.

Dalam satu temuramah, Abdullah mengakui kepada Sheridan bahawa pemecatan dan keputusan mahkamah untuk memenjarakan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah merosakkan Dr Mahathir, dari segi politik.

Tetapi, Abdullah berkata kedudukan Dr Mahathir kini semakin pulih "memandangkan rakyat telah memahami dengan lebih mendalam fakta-fakta kes Anwar dan berikutan ekonomi Malaysia yang semakin pulih."

Abdullah memberitahu Sheridan bahawa beliau percaya "sebab utama sokongan kepada kerajaan Malaysia semakin kukuh ialah pemulihan ekonomi Malaysia".

Timbalan perdana menteri itu dipetik sebagai berkata: "Kami berasa gembira dan yakin bahawa semuanya berjalan lancar buat kami. Kawalan tukaran asing telah memberikan hasil yang kami jangkakan. Keyakinan domestik dan antarabangsa telah dapat dipupuk semula bagi ekonomi Malaysia."

Abdullah seterusnya menjadikan contoh pasaran saham yang mengapung, lebihan dagangan yang banyak, pertumbuhan yang kembali positif selepas kemerosotan tahun lepas, dan yang terbaru baru-baru ini, kejayaan pengeluaran bon hingga mencapai lebih langganan di Amerika Syarikat, sebagai bukti bahawa ekonomi Malaysia kembali menyerlah.

"Rakyat kekurangan alasan untuk menuduh kami tidak menguruskan ekonomi dengan baik. Mereka secara khususnya menuduh PM (Perdana Menteri) dan berkata langkah-langkah yang diambilnya tidak akan berjaya.

"Kejayaan yang kami perolehi menunjukkan bahawa kritikan-kritikan itu adalah salah," Abdullah dikatakan sebagai berkata.

Ketika ditanya mengenai keutamaan portfolionya, Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata: "Memulihkan reputasi polis."

Abdullah berkata beliau percaya bahawa kerana lebam mata Anwar, akibat dipukul polis pada September, keseluruhan polis Malaysia sengsara kerana tindakan seorang anggotanya.

"Ia (serangan itu) bukan diizinkan oleh polis, ia bukan diizinkan oleh undang-undang, ia adalah satu kesalahan jenayah," kata Abdullah.

-- BERNAMA

NDC NAK